

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

PLG 411 - Kaedah Mengajar Kimia III

Tarikh: 26 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 4.15 petang
(2 jam)

Angka Giliran: _____

Jawab semua soalan Bahagian A dan pilih mana-mana dua soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (50 markah)

1. Jadual berikut menunjukkan keputusan kajian mengenai amalan penggunaan induksi set dalam satu kursus Latihan Mengajar di salah sebuah Institusi Pendidikan Guru tempatan;

Kekerapan* mengadakan Induksi set	Wanita (n = 60)		Lelaki (n = 60)	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
1	5	8.33	10	16.66
2	30	50.00	40	66.66
3	20	33.33	10	16.66
4	5	8.33	0	0.00

- * 1 - tidak pernah
2 - jarang-jarang
3 - kerap
4 - setiap kali mengajar

...2/-

a) Berdasarkan jadual di atas nyatakan tiga rumusan berhubung dengan dayausaha dan kreativiti guru-guru pelatih dalam kajian tersebut.

i) -----

ii) -----

iii) -----

b) Nyatakan dua sebab penting mengapa keputusan seperti dalam jadual di atas diperolehi.

i) -----

ii) -----

(10 markah)

...3/-

2. a) Sebutkan dua perkara utama yang menjadi teras dalam pembentukan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

i) -----

ii) -----

b) Beri tiga contoh bagaimana nilai-nilai murni boleh diterapkan melalui pelajaran kimia (tajuk: teori atom). Nyatakan nilai-nilai yang dipilih.

i) -----

ii) -----

...4/-

iii) -----

(10 markah)

3. Guru merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penerimaan dan penguasaan konsep-konsep kimia yang diajar. Tuliskan Lima soalan yang berkaitan dengan persediaan (bekalan), yang boleh ditanyakan oleh seseorang guru kimia kepada dirinya sendiri bagi menganalisa prestasi pengajarannya.

i) -----

ii) -----

iii) -----

...5/-

iv) -----

v) -----

(10 markah)

4. Merujuk kepada tajuk Struktur Atom dan Ikatan Kimia, nyatakan objektif tingkahlaku bagi bidang-bidang berikut:

i) Kefahaman

ii) Penggunaan

iii) Penganalisaan

...6/-

iv) Penggabungan

v) Penilaian

(10 markah)

5. Nyatakan lima langkah yang perlu dibuat untuk menyediakan larutan piawai.

i) -----

ii) -----

iii) -----

...7/-

Angka Giliran: _____

(PLG 411)

- 7 -

- iv) -----

- v) -----

(10 markah)

...8/-

BAHAGIAN B (50 markah)

Jawab DUA soalan sahaja.

1. a) Dengan menggunakan gambarajah, tunjukkan corak kerjasama dalam kumpulan.
b) Terangkan corak kerjasama yang manakah paling baik bagi pengajaran matapelajaran kimia.
c) Nyatakan corak kerjasama yang manakah yang kerap dilakukan dan mengapa corak tersebut menjadi pilihan?

(25 markah)

2. Masalah disiplin dan keruntuhan akhlak pelajar-pelajar adalah sebahagian dari faktor-faktor yang menyebabkan pelajar gagal dalam pelajaran sains kimia. Cadangkan peranan guru (berhubung dengan kegiatan di luar bilik darjah) bagi mengatasi masalah di atas. Keterangan anda mestilah disokong dengan carta alir yang menjelaskan punca-punca permasalahan dan penyelesaian yang dicadangkan.

(25 markah)

3. a) Kemukakan tiga soalan yang anda perlu tanyakan kepada diri anda sendiri apabila membuat persiapan sesuatu kelas amali. Soalan-soalan itu adalah berkaitan dengan hasil dari latihan dan pengajaran yang boleh dicapai melalui kerja amali tersebut.
b) Terangkan sebab-sebab mengapa kelas amali kurang memberi kesan kepada kefahaman penguasaan konsep kimia di kalangan sebahagian besar pelajar-pelajar.

(25 markah)

-ooo00ooo-